



TAKLIMAT.... Dr Zaitun (kiri) mendengar taklimat mengenai Pusat Austisme UMSKAL daripada Shafry.



KENANGAN.... Dr Zaitun (empat kanan) bersama AJK Puspanita Labuan.

Dr Zaitun kunjungi Pusat Pembelajaran Autisme UMSKAL

NST 18.7.2018

LABUAN: Isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, Prof Dr Zaitun Abu Bakar telah mengadakan lawatan ke Pusat Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme, di UMS Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Beliau yang juga Penaung PUSPANITA Kementerian Wilayah Persekutuan diberi taklimat berkaitan pengurusan pusat tersebut oleh Pengerusi Pusat Autisme Labuan, Shaffry Mohd. Sarif.

Turut hadir Pengerusi Puspanita Kementerian Wilayah, Datuk Aslinah Mohd Ariffin dan Pengerusi Puspanita Labuan, Datin Nuraini Mohammed Hanafiah.

Pada majlis itu, Puspanita turut menyumbangkan set peralatan mewarna untuk 30 orang kanak-kanak autisme.

Shaffry mengucapkan terima kasih atas kunjungan rombongan isteri Menteri Wilayah Persekutuan dan Puspanita Labuan ke Pusat

Autisme UMSKAL.

Beliau yakin menerusi kunjungan tersebut, lebih banyak pihak khususnya di Kementerian Wilayah mengetahui kewujudan Pusat Autisme Labuan yang terletak di UMS Labuan.

"Pusat Autisme Labuan yang terletak di UMSKAL sentiasa mengalu-alukan kunjungan dan sokongan daripada pelbagai pihak sekaligus sebagai tanda kasih sayang terhadap golongan kanak-kanak autism," katanya.

Shaffry tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMS dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang banyak memberikan bantuan dan sokongan moral dan kewangan kepada Pusat Autisme tersebut.

Terdahulu Prof Dr Zaitun telah menghadiri majlis suaikenal bersama AJK Puspanita Labuan yang diadakan Menara Perbadanan Labuan.

OLEH JAINUDIN DJIMIN